

# **JENIS-JENIS SUMBER PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DI SEKOLAH BESTARI**

Mohd Faez Ilias <sup>1</sup>  
Murihah Abdullah <sup>2</sup>  
Kalthom Husain <sup>1</sup>  
Kamarul Azmi Jasmi <sup>3</sup>  
Abdul Hafiz Abdullah <sup>3</sup>  
Arieff Salleh Rosman <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>2</sup>Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, murihah16@gmail.com

<sup>3</sup>Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## **Suggested Citation:**

Ilias, M. F., Abdullah, M., Husain, K. Jasmi, K. A., Abdullah, K. A., & Rosman, A. S. (2016). *Jenis-jenis Sumber Pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar di Sekolah Bestari*. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 3(2-1) (2016) 41-55, eISSN: 2289-7909.

## **SINOPSIS**

Institusi pendidikan khususnya sekolah mempunyai peranan dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada pelajar. Perkhidmatan pendidikan yang disediakan itu mestilah melalui satu proses memberi dan menerima yang dipanggil sebagai pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dalam proses PdP, guru sangat berperanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan mempelbagaikan sumber dalam pengetahuan mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sumber pengetahuan yang disediakan oleh pihak sekolah terhadap GPI dalam meningkatkan pengetahuan mereka dalam PdP. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan data melalui instrumen temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, dan nota lapangan. Dapatan yang diperolehi menggunakan instrumen tersebut dianalisis secara "open coding" menggunakan perisian Nvivo 7.0. Kajian dilakukan terhadap Guru Pendidikan Islam (GPI), penyelia GPI, dan dua orang pelajar di bawah seliaan GPI. Hasil kajian menunjukkan bahawa GPI mampu untuk menjadikan segala kemudahan yang diberikan oleh sekolah sebagai sumber untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam PdP. Antara sumber-sumber tersebut ialah peruntukkan kursus-kursus yang disediakan oleh sekolah, akses internet yang mencukupi, dan bahan rujukan seperti buku. Semua dapatan tersebut dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pentadbir untuk diaplikasikan oleh GPI untuk lebih berusaha dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

## **REFERENCES**

- Aini Arifah A. B. and Norizan M. Y. (2008). Using Teaching Courseware to Enhance Classroom Interaction as a Method of Knowledge Sharing. *Journal for Information Systems Research and Practice*. 1(1).
- Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) (2016). *Perkakasan ICT*. [http://btp.moe.gov.my/btp/?page\\_id=62](http://btp.moe.gov.my/btp/?page_id=62). Diakses pada 17 Jun 2016.
- Bishop, P. (2010). *Multi-Site Case Study*. In Mills A.J., Gabrielle D., and Elden W. (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References Publication. 2:587-589.
- Cohen, D., Raudenbush, S. & Ball, D. 2003. Resources, instruction, and research. *Educational Evaluation and Policy Analysis* 25 (2): 119-142.
- Frances, K. M. (1978). *About Learning Materials*. Los Angeles: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Habib Mat Som (2005). *Profil Kesediaan Guru Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Hanson, John. (1975). *The Use Of Resources*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Harris, N. D. C. (1979) *Preparing Educational Materials*. In Hills, P. J. (Ed.) (1979). *New Patterns of Learning*. London: Croom Helm Ltd.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F., dan Jasmi, K. A. (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED2013) at EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia on 6th – 7th April 2013.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2012). *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2010. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*. <http://emisportal.moe.gov.my/emis/emis2/emisportal2/doc/fckeditor/File/BukuPerangkaan10/>

BAB\_2.pdf. (22 Mei 2012).

- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, dan Ahmad Tajuddin Othman (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah (The Influence of Teacher Training and Teaching Experience on Secondary School Teacher Efficacy). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Vol.34(2). Halaman: 3-14.
- Koc, M. & Bakir, N. (2010). A needs assessment survey to investigate pre-service teachers' knowledge, experiences and perceptions about preparation to using educational technologies. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 9(1), 13-22.
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Anuar Abd Rahman, M. Al-Muzammil Yassin, dan Phoon Ai Ling (2010). Penilaian Guru Sekolah Rendah Terhadap Peranan Guru Besar Sekolah Sebagai Pemimpin Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) (Teachers Perception Towards Head Teachers' Role As An ICT Leader In Primary Schools). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. Vol. 25. Hlmn: 169-188.
- Maimun Aqsha Lubis, Abdullah Awang Lampoh, Melor Md. Yunus, Shah Nazim Shahar, Noriah Mohd Ishak and Tajul Arifin Muhamad (2011). The Use of ICT In Teaching Islamic Subjects in Brunei Darussalam. *International Journal of Education and Information Technologies*. 5(1): 79-87.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohamad Rofian, Awatif, Md Noor Hussin, Abdul Razif, Hairun Najuwah, Ku Fataniyah, dan Nor Syaidah. 2013. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Arab oleh Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Prosiding International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED 2013)*. 6-7 April 2013. EPF Institute, Kajang, Selangor: PIMM, p. 911-916.
- Mohd Isa Hamzah, Arif Ismail, dan Mohamad Amin Embi (2009). The impact of technology change in Malaysia Smart School on Islamic Education teachers and students. *Proceedings of World Academy Science, Engineering and Technology*. 25(2009): 379-391.
- Mohd Izham Mohd Hamzah dan Noraini Attan (2007). Tahap Kesiapan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 46(E, 2007): 45-60.
- Mukalel, Joseph (1998). *Creative Approaches to Classroom Teaching*. New delhi: DiscoveryPublishing House.
- Nur Hanani Hussin, Noor Izzuddin Mat Zain, Wan Yonsharlinawati Wan Jaafar, Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh, dan Ab. Halim Tamuri. Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Meningkatkan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI). 8-9 Mac 2012. Senai, Johor: Fakulti Tamadun Islam, UTM. 2012.
- Rosnaini Mahmud and Mohd Arif Ismail (2010). Impact of Training and Experience in Using ICT On In-Service Teachers' Basic ICT Literacy. *Malaysian Journal of Educational Technology*. 10(2): 5-10.
- Schensul, J. J. (2008). *Methodology*. In Given L. M. (Ed.) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles: SAGE Publication.
- Segaran a/l Shanmugam. 1999. *Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Bilik Darjah di Sekolah-Sekolah Menengah di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia;
- Shiung, T. K., dan Ling, W. Y. 2005. Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT dan Kekangan/Cabaran Penggunaan ICT. *Seminar Pendidikan 2005*. 15. Oktober. 2005. Fakulti Pendidikan, UTM.
- Smarkola, C. (2007). Technology acceptance predictors among student teachers and experienced classroom teachers. *Journal of Educational Computing Research*. 37(1): 65-82.

## **JENIS-JENIS SUMBER PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DI SEKOLAH BESTARI**

Mohd Faez Ilias<sup>1</sup>, Murihah Abdullah<sup>2</sup>, Kalthom Husain<sup>1</sup>, Kamarul Azmi Jasmi<sup>3</sup>, Abdul Hafiz  
Abdullah<sup>3</sup>, Arieff Salleh Rosman<sup>3</sup>

[faez@kuis.edu.my](mailto:faez@kuis.edu.my), [murihah16@gmail.com](mailto:murihah16@gmail.com), [kalthom@kuis.edu.my](mailto:kalthom@kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

### **ABSTRAK**

Institusi pendidikan khususnya sekolah mempunyai peranan dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada pelajar. Perkhidmatan pendidikan yang disediakan itu mestilah melalui satu proses memberi dan menerima yang dipanggil sebagai pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dalam proses PdP, guru sangat berperanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan mempelbagaikan sumber dalam pengetahuan mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sumber pengetahuan yang disediakan oleh pihak sekolah terhadap GPI dalam meningkatkan pengetahuan mereka dalam PdP. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan data melalui instrumen temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, dan nota lapangan. Dapatan yang diperolehi menggunakan instrumen tersebut dianalisis secara “*open coding*” menggunakan perisian *Nvivo* 7.0. Kajian dilakukan terhadap Guru Pendidikan Islam (GPI), penyelia GPI, dan dua orang pelajar di bawah seliaan GPI. Hasil kajian menunjukkan bahawa GPI mampu untuk menjadikan segala kemudahan yang diberikan oleh sekolah sebagai sumber untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam PdP. Antara sumber-sumber tersebut ialah peruntukkan kursus-kursus yang disediakan oleh sekolah, akses internet yang mencukupi, dan bahan rujukan seperti buku. Semua dapatan tersebut dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pentadbir untuk diaplikasikan oleh GPI untuk lebih berusaha dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

**Kata Kunci:** Peranan sekolah, Bahan bantu mengajar, Guru Pendidikan Islam.

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

<sup>2</sup> Calon Doktor Falsafah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

## **TYPES OF KNOWLEDGE SOURCES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN THE USE OF TEACHING AIDS IN SMART SCHOOL**

### **ABSTRACT**

Education institutions mainly school has a vital role in rendering education training to students. The education training is realised via the process of teaching and learning (TnL). Teacher is significantly seen as knowledge deliverer. Thus teachers need to improve the knowledge and skills to diversify their sources of knowledge. Therefore, this study aims to identify the source of knowledge provided by the school against GPI in improving their knowledge of the TnL. This study deploys qualitative methods to obtain the desired data through instrument interviews, observations, document analysis, and field notes. The results obtained are analyzed using "open coding" using NVivo 7.0 software. The study was conducted on Islamic Education Teacher (IET), IET supervisors, and two students under the supervision of the IET. The results showed that IET is able to utilise the facilities provided by the school as source knowledge to increase their knowledge in the TnL. Among these sources are the provisions of the courses provided by the school, adequate internet access, and reference materials such as books. These findings could be used as a reference to the administrator to be applied by the IET to make greater efforts to improve their knowledge.

**Keywords:** School's Role, Teaching Aids, Islamic education Teacher.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru di sekolah menjadi satu aspek penting yang telah ditekankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2012). Pada peringkat awal perkembangan penggunaan BBM, bahan asas seperti buku teks dan papan putih menjadi kebiasaan penggunaannya dalam kalangan guru di sekolah (Mukalel, 1998). Penggunaan bahan asas ini telah mendorong kebanyakan guru sukar untuk mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka. Hasilnya, guru semakin selesa mengajar dengan kaedah tradisional, iaitu *chalk and talk* (Mohamad Rofian, 2013).

Pada masa kini, PdP yang menerapkan pelbagai kaedah dalam pengajaran adalah sangat dituntut. Kepelbagaian kaedah dalam sesuatu PdP menggambarkan tahap kesediaan dan kreativiti guru yang melaksanakannya. Kesediaan guru sebelum melaksanakan PdP memerlukan guru berpengetahuan luas tentang ilmu keguruan dan ilmu bidang yang ingin disampaikan kepada pelajar. Ilmu keguruan itu ialah ilmu berkaitan dengan cara untuk menjadi seorang guru. Untuk menjadi seorang yang berpengetahuan, guru perlu sentiasa bersedia dengan melakukan kajian dan penyelidikan terhadap PdP yang ingin disampaikan.

Sebelum melakukan kajian dan penyelidikan terhadap pengetahuan yang ingin diperolehi, guru perlu memastikan jenis-jenis sumber yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat. Zaman teknologi pada masa kini semakin memberi kelebihan kepada setiap orang untuk mendapatkan maklumat dengan mudah. Begitu juga dalam konteks kerjaya sebagai guru, teknologi membantu guru mendapatkan maklumat dalam keterbatasan waktu. Dalam PdP guru juga, penggunaan teknologi semakin berleluasa apabila berlaku pengintegrasian PdP dengan ICT di kebanyakan sekolah. Oleh itu, penentuan sumber yang digunakan oleh guru dalam mendapatkan ilmu pengetahuan juga diharapkan dapat dirancang dengan lebih awal agar guru dapat bersedia dalam melaksanakan PdP.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Dalam melaksanakan penggunaan BBM, faktor pengetahuan dan kemahiran GPI (Mohd Izham dan Noraini, 2007; Rosnaini dan Mohd Arif, 2010; Maimun Aqsha et al., 2011; Mohd Faez et al., 2013) serta kekurangan peralatan dan capaian BBM di sekolah (Shiung dan Ling 2005; Smarkola 2007; Mohd Faez et al., 2013) menjadi punca kekurangan penggunaan BBM dalam kalangan GPI.

Pengetahuan dan kemahiran penggunaan BBM juga menjadi isu yang menghalang GPI menggunakan BBM. Pengetahuan mendalam yang dikuasai dengan lebih awal oleh GPI pada hakikatnya meningkatkan kemahiran guru dalam penggunaan BBM. Walaupun penggunaan BBM dilihat mudah, namun guru masih lagi kurang menggunakannya. Hal ini berkaitan dengan kurangnya pengetahuan guru terhadap penggunaan BBM. Kebanyakan GPI masih belum bersedia menggunakan BBM atas sebab persediaan yang perlu dilakukan (Mohd Izham dan Noraini, 2007). Tahap pengetahuan mereka juga masih belum mampu menggalakkan penggunaan BBM khususnya TMK (Rosnaini dan Mohd Arif, 2010). Kenyataan ini disokong oleh kajian Mohd Izham dan Noraini (2007), dan Maimun Aqsha et al., (2011).

Dapatan kajian Mohd Izham dan Noraini (2007), menjelaskan bahawa persediaan pengetahuan guru berada pada tahap sederhana sebelum menggunakan BBM. Koc dan Bakir (2010), pula mendapati bahawa 39 peratus guru mempunyai pengetahuan yang kurang tentang penggunaan komputer ketika PdP. Manakala dapatan kajian Rosnaini dan Mohd Arif (2010), turut menyatakan bahawa pengetahuan TMK oleh majoriti guru berada pada tahap yang sederhana. Tambahan pula dapatan kajian Maimun Aqsa et al., (2011), terhadap GPI turut mendapati bahawa pengetahuan awal mereka terhadap penggunaan TMK masih kurang mendalam. Semua dapatan ini turut mengesahkan kajian Mohd Isa et al., (2009), dan Nur Hanani et al., (2012), yang menyatakan bahawa halangan penggunaan komputer dalam kalangan GPI antaranya ialah kurang latihan terhadap penggunaan BBM.

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian ini, jelas keperluan untuk mengkaji sumber sekolah dalam meningkatkan pengetahuan penggunaan BBM. Dapatan kajian ini diharapkan agar dapat meningkatkan kesedaran penggunaan BBM dalam kalangan GPI.

### **3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan kepada sorotan daripada beberapa kajian yang telah dilakukan, faktor kekurangan penggunaan BBM oleh GPI disebabkan oleh dua faktor utama iaitu pengetahuan dan kemahiran serta kekurangan peralatan dan capaian BBM di sekolah. Objektif yang telah digariskan dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti sumber pengetahuan yang disediakan oleh pihak sekolah terhadap GPI. Manakala persoalan kajiannya ialah, apakah sumber pengetahuan yang disediakan oleh pihak sekolah terhadap GPI dalam meningkatkan penggunaan BBM?

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian merupakan perancangan yang dilakukan oleh pengkaji dalam menjawab permasalahan yang timbul semasa kajian dijalankan (Schensul, 2008). Kajian ini telah diklasifikasikan sebagai kajian berbentuk deskriptif kerana matlamatnya untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Merriam, 1988; Mohd Majid, 2005; Tobin, 2010). Reka bentuk kajian ini juga disebut sebagai kajian pelbagai kes (*multiple cases*) kerana melibatkan pelbagai tempat kajian. Reka bentuk kajian adalah adaptasi daripada kajian Kamarul Azmi (2010), dengan sedikit pengubah suaian dilakukan. Maka pendekatan ini sesuai dengan sifatnya yang melibatkan pelbagai tempat kajian (*multisite studies*) (Merriam, 1998; Bishop, 2010).

Kelebihan kajian ini diperkuatkan dengan sumber dapatan yang pelbagai (Yin, 2006), terdiri daripada temu bual mendalam, pemerhatian, analisis dokumen, dan rakaman (Denscombe, 2007; 2010; Chmilliar, 2010) melalui pendekatan kualitatif. Pendekatan ini mampu membantu pengkaji dalam mengenal pasti penggunaan BBM yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam (Skorupski, 2005; Flinders, 2009) serta meneroka permasalahan yang dikaji mengikut tatacara

yang ditetapkan (Merriam, 1998; 2002; Esterberg, 2002; Creswell, 2003; Bogdan dan Biklen, 2003).

Dalam kajian ini, pengumpulan data adalah dengan tiga cara, iaitu temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Temu bual merupakan kaedah utama dalam mendapatkan data dan mestilah diberikan penekanan (Madge, 1953). Dapatan yang diperolehi juga merupakan satu hasil yang mampu menarik minat pengkaji untuk meneroka dengan lebih mendalam (McConaughy, 2005; Morgan dan Guevara, 2008). Temu bual ini dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam (GPI), penyelia GPI, dan dua orang pelajar di bawah seliaan GPI. Pemerhatian pula diperolehi dalam dua bentuk iaitu rakaman audio atau video terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) GPI. Selain itu, analisis dokumen turut dilakukan termasuk analisis terhadap nota dan diari GPI. Dokumen yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah dari jenis sijil-sijil, persediaan mengajar, bahan bantu mengajar, dan segala kelengkapan buku pelajar (Olson, 2010). Dokumen tersebut diperolehi dalam bentuk fizikal, audio, dan video (Scott, 2004; Raptis, 2010).


Dapatan kajian yang diperolehi dari lapangan akan terus diproses secara berperingkat bermula dengan proses transkrip data berbentuk audio, video, dan gambar ke dalam bentuk teks. Setelah itu, data yang siap ditranskrip akan dianalisis secara “*open coding*” menggunakan perisian analisis data kualitatif iaitu Nvivo versi 7.0. Proses analisis menggunakan perisian ini melibatkan penggunaan beberapa singkatan dan kod yang dapat dijelaskan seperti pada Jadual 1.

Jadual 1: Singkatan yang digunakan dalam Proses Analisis Data Kajian.

<b>Singkatan atau Kod</b>	<b>Penjelasan</b>
SA, SB, SC, SD, SE	Sekolah ‘A’, ‘B’, ‘C’, ‘D’, ‘E’ *Tempat kajian lapangan dijalankan
GPISA, GPISB, GPISC, GPISD, GPISE	Guru Pendidikan Islam Sekolah ‘A’, ‘B’, ‘C’, ‘D’, ‘E’
GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/KUR	Guru Pendidikan Islam: Bahan Bantu Mengajar: Sumber Penggunaan/Sumber Pengetahuan/Sekolah/Kursus.
GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/INT	Guru Pendidikan Islam: Bahan Bantu Mengajar: Sumber Penggunaan/Sumber Pengetahuan/Sekolah/Internet.
BBM:SPG/SPT/SEK/BUK	Bahan Bantu Mengajar: Sumber Penggunaan/Sumber Pengetahuan/Sekolah/Buku.



Analisis dilakukan dengan membentuk tema-tema berdasarkan dapatan kajian. Kemudian tema yang terhasil akan membentuk model dapatan kajian berdasarkan kepada tema yang mencapai tahap pola. Secara ringkasnya, reka bentuk kajian ini dapat disimpulkan melalui Rajah 1 sebelum kesemua data tersebut dianalisis secara deskriptif (Hessler, 1992; Srinivasan, 2007).



Rajah 1: Kedudukan Reka Bentuk Kajian Kes dengan Pendekatan Kualitatif.

## 5.0 ANALISIS DATA

Berdasarkan kepada ketetapan kaedah kajian yang telah dijelaskan pada metodologi kajian, temu bual secara mendalam memberi banyak maklumat yang kemudiannya disokong oleh dapatan pemerhatian, analisis dokumen dan nota lapangan. Dalam meningkatkan pengetahuan terhadap penggunaan BBM, GPI tidak terlepas dari mendapat kemudahan daripada pihak sekolah. Selain usaha sendiri yang dilakukan oleh GPI, sekolah juga didapati menyumbang kepada empat jenis sumber yang boleh memberikan pengetahuan kepada GPI. Daripada empat jenis sumber pengetahuan, hanya tiga sahaja yang mencapai tahap pola pada Jadual 2, iaitu kursus, internet, dan buku.

Jadual 2: Sumber Pengetahuan daripada Sekolah Semasa Penggunaan BBM.

Bil.	Sumber Pengetahuan Daripada Sekolah	SA	SB	SC	SD	SE
1.	Kursus	x	x	x	-	x
2.	Internet	x	x	x	x	-
3.	Buku	x	x	x	-	-
4.	Aktiviti sekolah	-	x	x	-	-


Sumber pengetahuan melalui kursus mewakili majoriti GPI kecuali GPISD. Maksud sumber pengetahuan melalui kursus ini ialah bertukar maklumat melalui program antara sekolah (GPISA, 2012: 326); subjek yang diambil semasa pendidikan ikhtisas (GPISA, 2012: 318; GPISC, 2012: 422); kursus sebelum dan semasa perkhidmatan (GPISC, 2012: 409, 410; 411 ); dan kursus anjuran sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), ataupun JPN (GPISA, 2012: 315, 332; GPISB, 2012: 717; GPISE, 2012: 259, 1890). Sebagai contoh, GPISA berkata:

*(GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/KUR) "Kalau kursus tu ada lah. tapi lepas kursus tu ada membantu juga. Macam teknik-teknik pengajaran yang disediakan oleh PPD dan sebagainya. Macam Bahagian Teknologi Pendidikan tu, sekolah ni sekolah bestari, sekolah ni ada teknik pengajaran yang terkini yang menggunakan sistem, pembelajaran dalam internet dan sebagainya, membantu lah."*

GPISE, 2012: 1888.

Pernyataan ini menjelaskan bahawa kursus yang dianjurkan oleh pihak atasan sangat memberi manfaat dalam meningkatkan pengetahuan guru terhadap penggunaan BBM. Sumber internet pula merupakan salah satu sumber yang digunakan oleh GPI untuk meningkatkan maklumat berkenaan BBM (GPISA, 2012: 318; GPISB, 2012: 1315; GPISC, 2012: 376; GPISD, 2012: 108). Internet merupakan sumber yang sangat mudah kepada semua GPI untuk mendapatkan maklumat berkenaan BBM (GPISB, 2012: 712, 1315) kecuali GPISE. Sebagai contoh yang dijelaskan oleh GPISB: (GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/INT) *"Kita lebih banyak pencarian lah. Cari sendiri. Daripada internet ke. Pasal senang ada internet kan."* GPISB, 2012: 711.

Bukti teks temu bual di atas adalah berkaitan sumber internet memudahkan pencarian maklumat. Namun tidak menjejaskan usaha majoriti GPI untuk membaca buku berkaitan dengan penggunaan BBM (GPISA, 2012: 348; PYSB, 2012: 173). Hal ini dijelaskan oleh GPISA: (BBM:SPG/SPT/SEK/BUK) "*beli kitab, beli buku. kalau kena hafal, kita hafal. study dulu lah, sebagai maklumat kita.*" GPISA, 2012: 348. Sebaliknya GPISD dan GPISE tidak menggunakan buku disebabkan maklumat sewaktu belajar masih dipraktikkan memandangkan kedua-duanya guru baru (GPISD, 2012: 34; GPISE, 2012: 29).



Rajah 2: Pola Dapatan Kajian bagi Sumber Pengetahuan GPIs Semasa Penggunaan BBM.

Sumber buku pula diwakili oleh GPI di SA, SB, dan SC. Buku yang digunakan oleh GPI adalah disediakan di sekolah untuk menambah pengetahuan tentang penggunaan BBM (GPISA, 2012: 348). Pengetahuan GPI diperolehi melalui pembacaan buku-buku yang berkaitan dengan aplikasi pelbagai jenis BBM yang sekolah perolehi dari pasaran (PYSB, 2012: 172; GPISB, 2012: 674; GPISC, 2012: 376). Secara keseluruhannya, amalan penggunaan yang mencapai tahap pola dapatan kajian ini ditunjukkan pada Rajah 2.

## **6.0 PERBINCANGAN**

Penggunaan BBM yang baik adalah bergantung kepada sumber yang digunakan oleh guru. Bagi maksud sumber pengetahuan, sumber ini menjelaskan bagaimana guru Pendidikan Islam (GPI) memperolehi pengetahuan untuk menggunakan BBM. Pengetahuan tentang penggunaan BBM tidak datang semulajadi melainkan sekurang-kurangnya melalui pemerhatian (Black, 2010).

Berdasarkan dapatan kajian, pengetahuan GPI di SA-SE diperolehi melalui kursus yang dihadiri, akses internet, buku dan bahan bacaan, serta aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Daripada empat dapatan yang diperolehi daripada analisis data, hanya tiga tema yang mencapai tahap pola diwakili oleh majoriti responden iaitu kursus, internet, dan buku. Manakala tema aktiviti sekolah tidak mencapai tahap pola dapatan kajian kerana tidak diwakili oleh majoriti responden. Pola dapatan kajian menunjukkan bahawa kursus yang dilaksanakan oleh sekolah dan pemantauan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat membantu guru menjadi lebih berkemahiran. Usaha ini adalah suatu pelaburan kepada guru kerana lebih menjadikan mereka seorang yang berkualiti terhadap diri sendiri mahupun dalam pengajaran (Khalid *et al.*, 2009). Dapatan kajian ini menyokong kajian Cohen (et al., 2003) bahawa pengajaran guru yang disertai dengan pengetahuan dan tindakan mampu memberikan kesan dan pengaruh terhadap pembelajaran pelajar.

Sumber internet juga mampu menjadikan GPI berpengetahuan tentang ilmu berkaitan keguruan. Internet dijadikan rujukan oleh majoriti GPI yang diakses menggunakan kemudahan sekolah. Walaupun perkhidmatan internet mudah untuk dimiliki oleh GPI, namun mereka masih menggunakan kemudahan yang disediakan di sekolah kerana terdorong oleh faktor persekitaran sekolah. Faktor ini membawa maksud bahawa hal-hal yang berkaitan dengan PdP mahupun pengurusan sekolah lebih selesa diselesaikan di sekolah berbanding di rumah. Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu mengambil inisiatif dalam memastikan kemudahan internet yang disediakan dapat diakses oleh GPI dengan mudah. Inisiatif ini dilakukan sehingga keperluan untuk akses internet di sekolah menjadi mudah dengan adanya pelbagai perkakasan seperti yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP, 2016). Maka menjadi tanggungjawab pihak sekolah membuat persediaan dengan memainkan peranan Guru Besar sebagai penggerak kepada kelengkapan infrastruktur internet di sekolah. Hal ini sepertimana yang disarankan oleh Lokman (*et al.*, 2000) bahawa Guru Besar berperanan dalam menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap di sekolah.

Buku dan bahan bacaan juga tidak terlepas dalam menyumbang pengetahuan kepada GPI ketika menggunakan bahan bantu mengajar (BBM). Melalui rujukan yang dilakukan oleh GPI

menunjukkan bahawa kesediaan mereka untuk mengajar adalah pada tahap yang tinggi. Hal ini bertepatan dengan kajian oleh Habib (2005), bahawa kesediaan adalah penentu kepada kejayaan atau kegagalan sesuatu pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Oleh yang demikian, sumber dapatan kajian ini diklasifikasikan sebagai jenis sumber yang disediakan oleh sekolah kerana guru menggunakan sumber tersebut hanya di sekolah. Maka, dapatan sumber sekolah sebagai sumber pengetahuan guru juga menyokong dapatan kajian oleh Segaran (1999). Hakikatnya sumber sekolah ini perlu diurus oleh pentadbir atau kumpulan pendidik yang merupakan pusat bagi keseluruhan sumber dalam meningkatkan kualiti proses PdP (Frances, 1978).

## **7.0 RUMUSAN**

Ilmu dan pengetahuan yang dimiliki oleh setiap GPI adalah berbeza sumbernya. Selain diperolehi melalui usaha dan inisiatif sendiri, GPI juga diberi kemudahan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya untuk digunakan sepanjang perkhidmatan mereka. Ketiga-tiga kemudahan yang disediakan oleh sekolah iaitu kursus, internet, dan buku merupakan antara kemudahan yang biasa dan sering diamalkan oleh GPI sepanjang perkhidmatan mereka. Rujukan ini digunakan oleh GPI memandangkan inisiatif sekolah yang mahukan setiap guru menjalankan PdP secara kreatif dan inovatif. Maka secara tidak langsung GPI sentiasa perlu berusaha untuk menggunakan segala kemudahan.

## RUJUKAN

- Aini Arifah A. B. and Norizan M. Y. (2008). Using Teaching Courseware to Enhance Classroom Interaction as a Method of Knowledge Sharing. *Journal for Information Systems Research and Practice*. 1(1).
- Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) (2016). *Perkakasan ICT*. [http://btp.moe.gov.my/btp/?page\\_id=62](http://btp.moe.gov.my/btp/?page_id=62). Diakses pada 17 Jun 2016.
- Bishop, P. (2010). *Multi-Site Case Study*. In Mills A.J., Gabrielle D., and Elden W. (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References Publication. 2:587-589.
- Cohen, D., Raudenbush, S. & Ball, D. 2003. Resources, instruction, and research. *Educational Evaluation and Policy Analysis* 25(2): 119-142.
- Frances, K. M. (1978). *About Learning Materials*. Los Angeles: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Habib Mat Som (2005). Profil Kesiediaan Guru Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Hanson, John. (1975). *The Use Of Resources*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Harris, N. D. C. (1979) *Preparing Educational Materials*. In Hills, P. J. (Ed.) (1979). *New Patterns of Learning*. London: Croom Helm Ltd.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F., dan Jasmi, K. A. (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED2013) at EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia on 6<sup>th</sup> – 7<sup>th</sup> April 2013.
- Kamarul Azmi Jasmi. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia; 2010.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2012). *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2010*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. [http://emisportal.moe.gov.my/emis/emis2/emisportal2/doc/fckeditor/File/BukuPerangkaan10/BAB\\_2.pdf](http://emisportal.moe.gov.my/emis/emis2/emisportal2/doc/fckeditor/File/BukuPerangkaan10/BAB_2.pdf). (22 Mei 2012).

- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, dan Ahmad Tajuddin Othman (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah (The Influence of Teacher Training and Teaching Experience on Secondary School Teacher Efficacy). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Vol.34(2). Halaman: 3-14.
- Koc, M. & Bakir, N. (2010). A needs assessment survey to investigate pre-service teachers' knowledge, experiences and perceptions about preparation to using educational technologies. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 9(1), 13-22.
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Anuar Abd Rahman, M. Al-Muzammil Yassin, dan Phoon Ai Ling (2010). Penilaian Guru Sekolah Rendah Terhadap Peranan Guru Besar Sekolah Sebagai Pemimpin Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) (Teachers Perception Towards Head Teachers' Role As An ICT Leader In Primary Schools). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. Vol. 25. Hlmn: 169–188.
- Maimun Aqsha Lubis, Abdullah Awang Lampoh, Melor Md. Yunus, Shah Nazim Shahar, Noriah Mohd Ishak and Tajul Arifin Muhamad (2011). The Use of ICT In Teaching Islamic Subjects in Brunei Darussalam. *International Journal of Education and Information Technologies*. 5(1): 79-87.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohamad Rofian, Awatif, Md Noor Hussin, Abdul Razif, Hairun Najuwah, Ku Fataniyah, dan Nor Syaidah. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Arab oleh Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Prosiding International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED 2013)*. 6-7 April 2013. EPF Institute, Kajang, Selangor: PIMM. 2013. 911-916.
- Mohd Isa Hamzah, Arif Ismail, dan Mohamad Amin Embi (2009). The impact of technology change in Malaysia Smart School on Islamic Education teachers and students. *Proceedings of World Academy Science, Engineering and Technology*. 25(2009): 379-391.

- Mohd Izham Mohd Hamzah dan Noraini Attan (2007). Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 46(E, 2007): 45-60.
- Mukalel, Josph (1998). *Creative Approaches to Classroom Teaching*. New delhi: Discovery Publishing House.
- Nur Hanani Hussin, Noor Izzuddin Mat Zain, Wan Yonsharlinawati Wan Jaafar, Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh, dan Ab. Halim Tamuri. Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Meningkatkan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI). 8-9 Mac 2012. Senai, Johor: Fakulti Tamadun Islam, UTM. 2012.
- Rosnaini Mahmud and Mohd Arif Ismail (2010). Impact of Training and Experience in Using ICT On In-Service Teachers' Basic ICT Literacy. *Malaysian Journal of Educational Technology*. 10(2): 5-10.
- Schensul, J. J. (2008). *Methodology*. In Given L. M. (Ed.) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles: SAGE Publication.
- Segaran a/l Shanmugam. *Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Bilik Darjah di Sekolah-Sekolah Menengah di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia; 1999.
- Shiung, T. K., dan Ling, W. Y. Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT dan Kekangan/Cabaran Penggunaan ICT. *Seminar Pendidikan 2005*. 15. Oktober. 2005. Fakulti Pendidikan, UTM. 2005.
- Smarkola, C. (2007). Technology acceptance predictors among student teachers and experienced classroom teachers. *Journal of Educational Computing Research*. 37(1): 65-82.